

08 JUL 2000

Umno-Pelajar

UMNO LANTIK PEGAWAI PERHUBUNGAN PELAJAR DI LUAR NEGARA

BALING, 8 Julai (Bernama) -- Umno melantik beberapa bekas pelajar luar negara sebagai pegawai perantara antara parti itu dan pelajar di seberang laut, kata Setiausaha Agung parti Tan Sri Khalil Yaacob.

Beliau berkata tugas pegawai itu adalah memberi penjelasan mengenai perjuangan Umno, menjelaskan dasar-dasar kerajaan serta menangkis serangan pembangkang yang sering menyebarkan dakwaan tidak benar kepada pelajar di luar negara.

Pegawai itu dipilih sendiri oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mereka lebih memahami situasi pelajar di luar negara, katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen Umno bahagian Baling di sini, hari ini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata beberapa orang lagi akan dilantik menyandang jawatan itu.

Beliau berkata sebelum ini, hal ehwal pelajar di luar negara adalah di bawah pengendalian kedutaan.

Khalil berkata dengan adanya pegawai perantara itu, sebarang laporan akan terus disampaikan kepada parti.

Beliau juga berkata berikutan keberkesanan Kelab-kelab Umno, parti itu merancang untuk menubuhkan pula Kelab Barisan Nasional di luar negara.

"Kita akan berbincang lebih lanjut dengan parti yang lain (mengenainya)," katanya.

-- BERNAMA

ZM/MZM NAK